

PENGAMALAN HIDUP BERAGAMA DALAM KALANGAN MAHASISWA INSTITUT PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA

Nazneen Ismail¹, Norul Huda Bakar², Mariam Abd. Majid¹ & Hasnan Kasan³

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor.

² Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 43000 Kajang, Selangor.

³ Pusat Citra, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Selangor.

Corresponding Author: Nazneen Ismail, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. Tel: (+60) 0192360477. Email: nazneen@kuis.edu.my

ABSTRAK

Hidup beragama juga disebut sebagai takwa merupakan tingkatan tertinggi sebagai Muslim. Ia dicapai melalui pengamalan dan penghayatan agama yang tinggi berasaskan kepada kefahaman yang benar. Sebagai mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) mereka mempunyai imej sebagai golongan yang memahami dan mengamalkan Islam dalam kehidupan seharian. Ini meliputi akidah, ibadah dan akhlak. Pelbagai kajian telah dijalankan untuk menilai tahap hidup beragama mahasiswa universiti. Namun, kajian terhadap mahasiswa IPTI didapati kurang diberikan tumpuan. Justeru, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam (IPTI) di Malaysia. Kajian ini bersifat kuantitatif menggunakan pendekatan tinjauan keratan rentas dengan mengedarkan borang soal selidik Muslim Religiosity Personality Inventory atau singkatannya MRPI (2011) kepada mahasiswa daripada empat buah IPTI terpilih. Pemilihan IPTI dilakukan melalui kaedah penentuan zon iaitu UIAM (Barat), USIM (Selatan), UniSHAMS (Utara) dan KUIPSAS (Timur). Sebanyak 400 set soal selidik diedarkan kepada mahasiswa universiti secara rawak bebas. Data dianalisis secara deskriptif melibatkan frekuensi dan min. Dapatan menunjukkan mahasiswa mempunyai tahap pengetahuan sarwajagat Islam dan personaliti religiositi yang tinggi. Justeru, kajian ini menjadi asas kepada keperluan pembinaan model khusus bagi pembangunan hidup beragama supaya pemerkasaan dapat dilakukan dari masa ke masa dengan pemantauan daripada pihak universiti.

Kata kunci: *Hidup beragama; Mahasiswa Muslim; Model pembangunan, Universiti Islam*

(RELIGIOUS PRACTICE AMONG STUDENTS OF ISLAMIC INSTITUTES OF HIGHER EDUCATION (IPTI) IN MALAYSIA)

ABSTRACT

Religious life, which also refers to piety, is the highest level as a Muslim. It is achieved through the practice of religious devotion and appreciation based on true understanding. As students of Islamic Institutes of Higher Education (IPTI), they have a reputation as a group that understands and practices Islam in everyday life. This includes faith, worship, and morals. Various studies have been conducted to evaluate the religious life of university students. However, studies on students of Islamic Institutes of Higher Education (IPTI) have received inadequate attention. Therefore, this study aimed to identify the level of religious practice among students of Islamic Institutes of Higher Education (IPTI) in Malaysia. This quantitative study used a cross-sectional survey approach by distributing the Muslim Religiosity Personality Inventory questionnaire or the MRPI (2011) to students from four selected Islamic Institutes of Higher Education (IPTI). The selection was conducted using zone-based methods, namely, UIAM (West), USIM (South), UniSHAMS (North), and KUIPSAS (East). A total of 400 sets of questionnaires was distributed randomly to students from the selected universities. Data were analyzed descriptively using frequency and mean. The findings show that students possess a high level of knowledge of Islamic values and a high religious personality. Thus, this study is a basis for the requirement for establishing a specific model in the development of religious life so that empowerment can be done from time to time with the supervision of the university.

Keywords: *Religious life; Muslim University students; Development model; Islamic Higher Education*

Received: July 21, 2019

Accepted: November 8, 2019

Online Published: December 20, 2019

1. Pendahuluan

Pengamalan hidup beragama adalah suatu bentuk penerapan asas agama melalui modul sesebuah agama yang lebih mengutamakan aplikasi dan penghayatan agama itu sendiri. Dalam konteks agama Islam, kehidupan beragama ini disinonimkan dengan menjadikan Islam sebagai *al-Din* atau sebuah cara hidup yang mana ia secara automatik menuntut setiap penganutnya menghayati dan mengamalkannya secara menyeluruh sebagai seorang Muslim (Rafiza, 2015). Menurut pandangan An-Nahlawi (1995), *al-Din* merupakan sistem Ilahi yang sempurna yang mencakupi seluruh sistem kehidupan berdasarkan ketundukan dan kehambaan kepada Allah SWT serta berpegang teguh dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Manakala al-Maududi (1981) pula memberikan maksud *al-Din* sebagai segala urusan manusia di dunia dan akhirat. Pengamalan hidup beragama ini adalah berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 19:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَعْثًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ
بِءَايَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam. Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberikan Kitab itu tidak berselisih (mengenai agama Islam dan enggan menerimanya) melainkan setelah sampai kepada mereka pengetahuan yang sah tentang kebenarannya; (perselisihan itu pula) semata-mata kerana hasad dengki yang ada dalam kalangan mereka. Dan (ingatlah), sesiapa yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, maka sesungguhnya Allah Amat segera hitungan hisabNya.

Islam merupakan suatu bentuk sistem Ilahi yang sempurna dan mencakup seluruh sistem kehidupan yang menjadikan ketundukan dan penghambaan diri kepada Allah SWT sebagai dasar dan berpegang kepada segala hal yang datang daripada Rasulullah SAW. Dengan itu, konsep agama yang dihayati dapat diperjelas dengan memahami pemahaman terhadap istilah *al-Din* itu sendiri (Mahmood, 2005).

Istilah hidup beragama dalam kajian ini mempunyai maksud yang sama dengan *al-hayah al-mutadayyinah* (Stapa, 2002), *al-tadayyun* (Engku Zarihan, Mohd Aderi, Tamuri, & Abdul Aziz, 2015; Hayaati, 2017), komitmen beragama (Hasanah 2016; Handoyo & Rusli 2008), kematangan beragama (Indirawati, 2006), religiositi (Anwar & Kasan, 2008; Rafiza, 2015; Saper; 2012), penghayatan agama (Nur Salimah, 2013; Mahmood, 2005) serta iman dan takwa (al-Qurtubi, t.th; Hamzah, et al., 2006).

Religiositi merupakan istilah yang dialihkan kepada Bahasa Melayu daripada istilah Bahasa Inggeris *religiosity*. Ini dapat dilihat daripada penggunaan asal *religiosity* di Barat secara khususnya dalam perspektif agama Kristian, yang banyak tertumpu kepada aspek teologi, ritual dan sikap beragama (*religious attitude*) (Thouless, 2000; Cornwall, Albrecht, Cunningham, & Pitcher, 1986). Di samping itu, istilah *religiosity* yang berasaskan istilah *religion* mengikut perspektif barat adalah bermaksud sejumlah kepercayaan, ibadat dan upacara tertentu, yang tidak lebih daripada persoalan peribadi sahaja (Qutb, 2000), yang berbeza sifatnya daripada agama Islam yang syumul. Walaupun demikian, ramai pengkaji di Malaysia menggunakan istilah religiositi yang diasimilasikan dalam konteks agama Islam.

Hidup beragama juga diterjemahkan sebagai perihal beragama atau patuh kepada agama, bertakwa dan warak (Ba^clabakki, 1972). Manakala Al-Najjar (1989) dan Abdullah Darraz (t.th.) memberikan maksud hidup beragama sebagai komitmen manusia dalam melaksana atau merealisasikan ajaran agama dan memastikan kehidupannya menepati ajaran agama sama ada secara tasawwur mahupun amalan yang dilakukan.

Selain itu, hidup beragama juga diterjemahkan sebagai kepercayaan yang pasti, ketundukan yang mutlak, kepatuhan yang penuh kesedaran dan keikhlasan pada sumber ilahi dari segenap sudut kehidupan manusia (Din, 1985). Menurut Anwar & Kasan (2008) hidup beragama ialah menjadikan Islam sebagai tatacara hidup yang sempurna dan diredhai oleh Allah SWT berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT dan bertunjangan tauhid.

Terdapat juga pengkaji yang menyamakan hidup beragama dengan konsep takwa (Hamzah, et al., 2006; Hayaati 2017) iaitu terhindar daripada perkara yang keji dan mendorongnya untuk melakukan kebajikan (Hawwa, 1998). Kesan daripada penghayatan agama, seseorang akan memperoleh kemanisan iman. Kemanisan agama ini hanya boleh diperolehi melalui penghayatan terhadap setiap isi kandungan ajaran agama Islam itu sendiri terutamanya hal-hal yang berkaitan mentauhidkan Allah SWT serta tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT (al-Bugha, 1998).

Hidup beragama (*at-tadayyun*) menjadi aspek yang amat penting di dalam kehidupan manusia kerana ia dapat memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan serta personaliti, ketenangan emosi dalaman, keyakinan diri manusia serta

kebahagiaan hidup (Mustapha, 2017). Justeru, ia disimpulkan sebagai satu cara hidup Islam yang merangkumi segala aspek sosial, ibadah, muamalat, etika dan amalan harian.

Amalan beragama bukan sahaja sekadar amalan luaran akan tetapi sehingga meresap di dalam jiwa. Ia meliputi hubungan dengan Allah SWT, hubungan manusia dengan manusia juga dengan alam yang berasaskan kepada hukum syarak (Md. Nor, 2012). Individu yang mengamalkan agama dapat dilihat menerusi tiga asas utama. Pertama akidah, yang melibatkan mentauhidkan Allah SWT dan tidak terlibat dengan amalan syirik. Kedua, pada segi amalan, ianya menunaikan fardu dan sunat serta meninggalkan perkara haram, maksiat dan makruh. Ketiga, pada segi kelakuan, ianya mesti beretika dengan etika yang mulia (Abu Mansor & Ismail, 2006).

Dalam hal ini, al-Najjar (1989) membezakan hakikat konsep agama (*al-din*) dan hidup beragama (*al-tadayyun*) dengan merumuskan agama sebagai ajaran-ajaran ketuhanan (*al-Ta'alam al-Ilahiyyah*) yang diperintahkan kepada manusia dalam bentuk taklif, manakala hidup beragama merupakan komitmen manusia (*al-Kasb al-Insaniyy*) dalam melaksana atau merealisasikan ajaran tersebut dan memastikan kehidupannya menepati ajaran agama baik dari segi pegangan atau amalan.

Selari dengan pandangan al-Najjar, al-Qaradawi (1984) menjelaskan makna hidup beragama bagi seorang individu Muslim ialah penghayatannya terhadap Islam secara menyeluruh dengan meratai aspek akidah dan prinsip-prinsip Islam tulen, dengan penghayatan secara amali dalam semua aspek kehidupan tanpa memisahkan satu bahagian dengan bahagian yang lain. Berdasarkan asas tersebut, al-Qaradawi mencirikan seorang yang menghayati agama sebagai seorang yang memiliki ruh dan semangat keIslaman, mempunyai akidah yang betul dan kukuh, keperibadian yang mampu memikul dan melaksanakan hukum syariah sesuai dengan posisi di mana ia berada serta berfikir dengan pemikiran Islam dalam semua bidang, dan tidak berganjak daripada batas-batas Islam.

Oleh yang demikian, hidup beragama tidak terhad dalam aspek tertentu sahaja bahkan mempengaruhi aspek yang lain juga. Sebagai contoh, akidah seseorang akan mempengaruhi pelaksanaan ibadahnya, manakala akidah dan ibadahnya akan mempengaruhi pembentukan akhlaknya. Akhlak yang baik terhadap Allah SWT dan terhadap makhluk akan mempengaruhi komitmennya terhadap pelaksanaan syariah atau undang-undang Islam (al-Qaradawi, 1984). Ini bererti penghayatan agama mencakupi pegangan, prinsip dan peraturan, malah pelaksanaan secara amali kepada semua yang diyakini dari segi akidah dan semua yang dipatuhi dari segi syariah dan akhlak. Lebih mendalam lagi, seorang Muslim yang komited terhadap agama mesti berfikir dengan cara berfikir yang berasaskan kerangka pemikiran Islam dalam mana-mana bidang atau aspek kehidupan (al-Qaradawi, 1984; al-Jundi, 2003).

2. Latar Belakang Masalah

Institut pengajian tinggi merupakan peringkat pendidikan tertier selepas sekolah menengah dan rendah. Secara umumnya, graduan universiti akan memasuki bidang pekerjaan sama ada kerajaan, swasta mahupun persendirian. Sebagai sebuah institusi pendidikan, IPT berperanan dalam membentuk sahsiah mahasiswa di samping menawarkan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat asasi, diploma, ijazah sarjana muda dan pasca siswazah. Di Malaysia, terdapat pelbagai IPT telah ditubuhkan baik di peringkat awam juga swasta. Setiap daripadanya mempunyai taraf yang berbeza iaitu kolej, kolej universiti dan universiti. Statistik Jabatan Pengajian Tinggi pada tahun 2017 menunjukkan terdapat 20 buah IPTA dan 457 buah IPTS di seluruh Negara dengan enrolmen seramai 490, 933 orang pelajar IPTA dan 565, 852 orang di IPTS (Anon, 2017b.; Anon, 2017a.).

Di antara kesemua IPT yang ada, terdapat sebahagiannya yang dilihat mempunyai *niche* Islamik khususnya dari segi tujuan untuk mengintegrasikan ilmu aqli dan naqli. IPT sebegini yang dimaksudkan oleh kajian ini sebagai IPTI atau IPT Islam. Nisbah IPTI dengan IPT lain di Malaysia adalah tidak banyak. Malah, tidak semua negeri mempunyai IPTI di dalamnya seperti Sabah dan Sarawak (Anon, 2017b.; Anon, 2017a.). Antara IPTI yang ada di negara ini ialah Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Universiti Sultan Azlan Shah (USAS), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIAM). Penubuhan IPT Islam ini bertujuan untuk memberikan makna pendidikan dalam Islam. Bagi mencapai tujuan ini, keseimbangan antara akademik dan sahsiah adalah perkara yang paling utama diberikan perhatian. Gaya hidup beragama dalam kalangan pelajar Muslim adalah penting kerana ia adalah penanda aras kepada keseimbangan antara aspek duniawi dan ukhrawi dalam diri.

Kajian lepas mendapati masih terdapat kelompangan dari segi keberagamaan mahasiswa universiti. Sedangkan di peringkat sekolah, pendidikan Islam telah dijadikan sebagai sukatan pelajaran di samping adanya sekolah-sekolah agama di bawah kelolaan kerajaan mahupun swasta. Antaranya, kajian Sihes, et al. (2006) mendapati tahap pengamalan agama dalam kalangan mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia UTM sederhana walaupun mereka mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi. Dapatan ini seiring dengan Bidin (2016) yang menunjukkan pelajar kolej komuniti negeri Johor mempunyai tahap pengetahuan tentang solat yang tinggi tetapi mempunyai tahap pengamalan solat yang sederhana.

Manakala, berdasarkan kajian Fatmi Talib, Abd Halim, dan Mohd Shafie (2018) terhadap tahap pengetahuan pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar semester satu Politeknik Banting mendapati mereka mempunyai tahap pengetahuan akidah, syariat dan muamalat yang tinggi. Ketiga-tiga aspek ini juga mempunyai hubungan langsung dengan penghayatan akhlak pelajar. Justeru, kajian merumuskan tahap pengetahuan pendidikan Islam yang baik memberi kesan kepada penghayatan akhlak pelajar.

Selain itu kajian terhadap pelajar Politeknik Ungku Omar (Jurami & Md Sham, 2013) mendapati walaupun pengamalan akidah dan akhlak pelajar berada pada tahap tinggi, namun pengamalan ibadah khususnya solat masih lagi kurang memuaskan. Ini kerana tidak sampai 45 peratus daripada responden menunaikan solat fardhu dengan konsisten. Sedangkan solat merupakan rukun Islam kedua dan tiang agama.

Kajian Mohamed, Seman, dan Abdul Wahab (2010) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang dan Universiti Malaysia Pahang pula menunjukkan terdapat segelintir pelajar yang mempunyai tahap kefahaman dan amalan beragama yang rendah. Meskipun nisbahnya kecil, tetapi ia melibatkan persoalan dasar dalam agama seperti masalah akidah serta melakukan perkara yang bercanggah dengan syariat sebagai kebiasaan. Antara faktor yang dikenal pasti ialah sikap diri sendiri yang sukar menerima tunjuk ajar dan lemah budaya ilmu.

Dapatan ini mempunyai kaitan dengan kajian Daud, Mohd. Salleh, Mohd. Haridi, dan Ismail (2016) yang mendapati segelintir belia menunjukkan kecenderungan kepada pemikiran tidak beragama walaupun majoriti mereka mempunyai tahap beragama yang tinggi. Begitu juga apabila dapatan Abd Rahman, et al. (2018) menegaskan bahawa mahasiswa tetap terdedah kepada desakan golongan liberal berkaitan konsep kebebasan beragama walaupun mereka mempunyai tahap kefahaman yang baik berkenaan isu tersebut.

Sebagai kesimpulan, kajian lepas menunjukkan bahawa tidak semestinya pengetahuan menggambarkan pengamalan agama pelajar. Perkara ini perlu diberi perhatian lebih-lebih lagi memandangkan tahap pengetahuan mereka sentiasa terdedah kepada

serangan dalam bentuk pemikiran. Untuk itu, pihak universiti digesa untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi membantu pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa (Bidin, 2016; Mohamed, Seman, & Abdul Wahab, 2010; Sihes, et al., 2006). Antara kaedah yang dicadangkan pengkaji lepas ialah dengan memperkasakan Pendidikan Islam di peringkat tinggi (Nor Hayati et al., 2018). Di samping itu, tinjauan literatur juga menunjukkan kesemua kajian ini fokus kepada pusat pengajian yang tidak mempunyai *niche* Islamik sebagaimana IPT Islam. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji tahap pengamalan hidup beragama dalam kalangan mahasiswa IPTI.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini hanya fokus kepada tahap pengamalan beragama mahasiswa IPTI berdasarkan tiga domain iaitu pengetahuan akidah, pengamalan ibadah dan akhlak. Pengetahuan akidah dilihat berdasarkan pandangan sarwajagat Islam mereka manakala pengamalan ibadah dan akhlak dinilai berdasarkan personaliti religiositi ritual dan muamalat. Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif dengan pendekatan kajian tinjauan secara rentas (*cross-sectional survey*).

Instrumen kajian dipilih menggunakan soal selidik *Muslim Religiosity Personality Inventory* atau singkatannya MRPI (2011). Ia terdiri daripada tiga bahagian seperti yang dijelaskan dalam Jadual 1. Maka, perbincangan dapatan juga terhad kepada item yang terkandung dalam instrumen tersebut.

Jadual 1. Bahagian soal selidik

Bahagian	Kandungan	Jumlah soalan
A	Maklumat Sosiodemografi	4
B	Skala Pandangan Sarwajagat Islam MRPI	20
C	Skala Personaliti Religiositi MRPI	14

Bahagian A

Bahagian ini mempunyai pilihan jawapan berkaitan latar belakang responden. Ia mengandungi maklumat berkaitan jantina, sekolah menengah terakhir, fakulti dan institusi pengajian. Keempat-empat maklumat ini diperlukan bagi mendapat gambaran responden kajian ini.

Bahagian B

Bahagian ini memerlukan responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan yang dikemukakan. Tahap persetujuan responden diukur menggunakan Skala Likert enam mata seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2. Interpretasi skala bahagian B

Skala	Interpretasi
6	Sangat bersetuju
5	Bersetuju
4	Agak bersetuju
3	Agak tidak bersetuju
2	Tidak bersetuju
1	Sangat tidak bersetuju

Pandangan sarwajagat Islam penting kerana ia merupakan gambaran (tasawwur) berkaitan paradigma tauhidik Islam dan ia diukur melalui akidah. Akidah merupakan perkara yang sepatutnya diketahui, diimani dan difahami oleh setiap Muslim berkenaan

Allah SWT dan agama sebagaimana yang digariskan syarak. Maka, konstruk pandangan sarwajagat Islam ini bertujuan untuk mengenal pasti persetujuan seseorang terhadap set pernyataan berkaitan enam rukun Iman yang merupakan asas akidah itu sendiri (Krauss & Hamzah, 2011).

Bahagian C

Bahagian ini memerlukan responden menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan yang dikemukakan. Tahap persetujuan responden diukur menggunakan Skala Likert enam mata seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Interpretasi skala bahagian B

Skala	Interpretasi
6	Sangat selalu
5	Selalu
4	Pernah
3	Kadang-kadang
2	Jarang-jarang
1	Tidak pernah

Bahagian ini melibatkan konsep religiositi Islam yang menggambarkan pandangan keagamaan seseorang melalui amalan soleh atau kaedah dia mempamerkan tret atau beradaptasi dengan kepelbagaian situasi di dunia dari sudut kepatuhannya kepada ajaran Islam dengan didorong rasa muraqabah kepada Allah SWT. Justeru, personaliti beragama ini merangkumi tingkah laku, hasrat, sikap dan emosi yang bertujuan untuk menilai peribadi sebagai gambaran kepada ajaran Islam. Konstruk ini mewakili pernyataan yang berkait dengan ibadah dalam dua bentuk. Pertama, hubungan seseorang dengan Allah SWT atau disebut sebagai ritual. Kedua, hubungannya sesama manusia dan kepada persekitaran atau disebut sebagai muamalat atau ibadah umum. Berdasarkan ini akhlak Islamiyyah seseorang dapat dilihat kerana ia merupakan manifestasi kepada pandangan tauhidik dalam setiap gerak laku harian. Pandangan sarwajagat tauhidik bermaksud menjadikan Allah SWT sebagai paksi dan mengakui keEsaanNya serta menjadikan kembali kepadaNya sebagai pengakhiran yang hakiki bagi semua makhluk (Krauss & Hamzah, 2011).

Sampel kajian telah diambil daripada empat buah Institut Pengajian Tinggi Islam di Malaysia iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) dan Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Pemilihan dibuat dengan kaedah penentuan zon kepada Timur, Barat, Utara dan Selatan. Sebanyak 400 set soal selidik telah diedarkan bagi kajian ini. Namun, setelah melalui proses saringan dan pemurnian data, hanya 375 boleh diguna pakai untuk analisis.

4. Dapatan dan Perbincangan

Berikut merupakan dapatan kajian yang telah dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu kekerapan dan min. Analisis dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences 22.0* (SPSS 22.0).

4.1 Demografi Responden

Kajian ini melibatkan pelajar daripada empat buah IPTI yang berbeza di Malaysia. Jadual 4 menunjukkan demografi responden secara terperinci.

Jadual 4. Demografi responden

Item	Jumlah	Peratus
Jantina	Lelaki	120
	Perempuan	255
	Jumlah	375
Sekolah terakhir	menengah SMK	119
	SMKA/Maahad	147
	SABK	59
	SBP/MRSM	27
	Lain-lain	23
	Jumlah	375
Fakulti	Pengajian Islam	227
	Sains sosial	18
	Sains Tulen	14
	Pendidikan	4
	Ekonomi	19
	Bahasa	15
	Lain-lain	78
	Jumlah	375
IPTI	USIM	90
	UIAM	100
	KUIPSAS	98
	UniSHAMS	87
	Jumlah	375

Berdasarkan dapatan ini, responden wanita lebih ramai berbanding lelaki dengan jumlah 255 wanita berbanding 120 lelaki. Lebih daripada separuh responden juga didapati mempunyai latar belakang pendidikan agama di peringkat menengah dengan jumlah 206 orang merupakan lulusan SMKA, Maahad atau SABK. Ini dilihat mempunyai keselarian dengan pemilihan fakulti di IPT dengan jumlah responden daripada Fakulti Pengajian Islam mempunyai jumlah tertinggi iaitu seramai 227 orang. Manakala daripada taburan responden, pelajar UIAM adalah paling ramai dengan jumlah 100 orang. Tetapi ia tidak jauh beza dengan jumlah responden daripada KUIPSAS 98 orang dan USIM 90 orang.

4.2 Pandangan Sarwajagat Islam

Hasil analisis, kajian menunjukkan tahap pengetahuan pelajar berhubung pandangan sarwajagat Islam adalah tinggi dengan nilai min 4.81. Jadual 5 menunjukkan item-item pandangan sarwajagat Islam.

Jadual 5. Dapatan berkaitan pandangan sarwajagat Islam

Bil	Item	Min
B1	Seseorang perlu meninggalkan apabila doktor	3.98
	Sangat tidak bersetuju	38 (10.1)
	Tidak bersetuju	36 (9.6)
	Agak tidak bersetuju	54 (14.4)
	Agak bersetuju	94 (25.0)
	Bersetuju	71 (18.9)
	Sangat bersetuju	81 (21.5)

	memberitahu bahawa dia akan mati dalam tempoh terdekat.								
B2	Allah SWT tidak mengampuni dosa yang dilakukan dengan sengaja.	21 (5.6)	14 (3.7)	14 (3.7)	28 (7.4)	79 (21)	218 (58.0)	5.10	
B3	Semua kerosakan yang berlaku di dunia ini adalah akibat perbuatan orang bukan Islam.	7 (1.9)	4 (1.1)	15 (4.0)	53 (14.1)	108 (28.7)	188 (50.0)	5.17	
B4	Pergerakan setiap butiran pasir di dasar laut berada di bawah pengetahuan Allah SWT	12 (3.2)	4 (1.1)	3 (0.8)	9 (2.4)	36 (9.6)	310 (82.4)	5.63	
B5	Semua ajaran yang disampaikan oleh Rasulullah mendatangkan manfaat kepada umat Islam sahaja.	36 (9.6)	13 (9.5)	11 (2.9)	61 (16.2)	97 (25.8)	156 (41.5)	4.70	
B6	Semua hukum-hakam Islam boleh diubahsuai untuk memenuhi keperluan semasa	29 (7.7)	48 (12.8)	36 (9.6)	64 (17.0)	62 (16.5)	133 (35.4)	4.29	
B7	Dalam keadaan darurat, Islam membenarkan umatnya untuk meninggalkan solat	22 (5.9)	37 (9.8)	31 (8.2)	53 (14.1)	64 (17.0)	168 (44.7)	4.61	
B8	Untuk menjadi sebuah Negara maju, umat Islam tidak boleh mengikut ajaran Islam sepenuhnya	7 (1.9)	3 (0.8)	9 (2.8)	12 (3.2)	44 (11.7)	300 (79.8)	5.62	
B9	Apabila Allah SWT menimpakan azab ke atas sesebuah tempat, orang Islam dan bukan Islam akan menerima akibatnya.	13 (3.5)	9 (2.4)	11 (2.9)	48 (12.8)	112 (29.8)	182 (48.4)	5.09	
B10	Orang yang mengajar ilmu yang berfaedah kepada manusia akan mendapat ganjaran di dunia sahaja.	7 (1.9)	6 (1.6)	4 (1.1)	24 (6.4)	92 (24.5)	243 (64.6)	5.44	
B11	Nilai-nilai Islam boleh diguna pakai dalam beberapa situasi, tempat dan masa tertentu sahaja	9 (2.4)	10 (2.7)	16 (4.3)	49 (13.0)	100 (26.6)	191 (50.8)	5.12	
B12	Segala amalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah adalah dipandu oleh wahyu	10 (2.7)	9 (2.4)	19 (5.1)	32 (8.5)	119 (31.6)	186 (49.5)	5.13	
B13	Rasulullah pernah mengadakan syariat yang tidak diwahyukan	14 (3.7)	29 (7.7)	35 (9.3)	62 (16.5)	73 (19.4)	155 (41.2)	4.67	
B14	Seseorang yang lahir dalam Islam tidak semestinya mati dalam Islam	119 (31.6)	99 (26.3)	71 (18.9)	32 (8.5)	22 (5.9)	33 (8.8)	2.57	
B15	Semua aktiviti hidup manusia hendaklah berbentuk pengabdian diri kepada Allah SWT	6 (1.6)	10 (2.7)	10 (2.7)	42 (11.2)	109 (29.0)	199 (52.9)	5.22	

B16	Peraturan Allah SWT memenuhi keperluan makhluk	11 (2.9)	4 (1.1)	6 (1.6)	19 (5.1)	76 (20.2)	255 (67.8)	5.45
B17	Ajaran Islam tidak menepati keperluan fitrah (naluri asal) manusia	10 (2.7)	9 (2.4)	7 (1.9)	22 (5.9)	61 (16.2)	265 (70.5)	5.43
B18	Kehidupan dunia tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan akhirat	27 (7.2)	23 (6.1)	41 (10.9)	47 (12.5)	78 (20.7)	156 (41.5)	4.60
B19	Seseorang yang berpegang teguh kepada agama tidak akan menghadapi rintangan dalam kehidupan	109 (29.0)	91 (24.2)	79 (21.0)	24 (6.4)	36 (9.6)	36 (9.6)	2.72
B20	Peraturan Allah SWT boleh dilanggar untuk memenuhi keperluan duniawi	7 (1.9)	7 (1.9)	7 (1.9)	7 (1.9)	23 (6.1)	325 (86.4)	5.68

Meskipun dapatan keseluruhan berada pada tahap yang tinggi, jika diperhalusi mengikut item didapati dapatan yang menimbulkan kerisauan kepada pengkaji. Contohnya item B7 yang menyatakan keharusan meninggalkan solat dalam keadaan darurat. Majoriti pelajar (75.8 peratus) bersetuju dengan kenyataan ini menggambarkan kelemahan ilmu asas agama dalam diri mereka. Solat merupakan amal yang wajib dilaksanakan walau apa juga keadaan dihadapi. Sehubungan itu, Islam mengajarkan pelbagai tatacara bersolat sama ada ketika musafir, sakit hingga berperang sekalipun.

Mahasiswa juga didapati masih mempunyai kekeliruan berkaitan peranan Rasulullah SAW dan bentuk wahyu yang disampaikan kepada baginda. Majoriti mereka (76.1 peratus) bersetuju bahawa baginda pernah mengajarkan perkara yang tidak diwahyukan. Sedangkan wahyu tidak hanya tertakluk kepada al-Quran bahkan ia meliputi semua kata-kata, tindakan dan perakuan baginda SAW atau juga disebut sebagai hadis. Sebagai seorang rasul, baginda SAW hanya menyampaikan apa yang diperintahkan Allah SWT kepadanya. Firman Allah SWT dalam Surah al-Najm, ayat 3 dan 4:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ ۗ (۳) إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (۴)

Maksudnya:

Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan ugama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya.

Selain itu, dapatan bagi item B17 di mana segelintir mahasiswa (8 peratus) tidak bersetuju bahawa ajaran Islam menepati fitrah manusia. Ia berkemungkinan mempunyai kaitan dengan kefahaman mereka tentang maksud 'fitrah' itu sendiri. Kekeliruan begini boleh didapati dalam masyarakat di mana mereka beranggapan bahawa fitrah bermaksud tabii yang juga membawa makna bebas mengikut kehendak nafsu dan apa yang difikirkan sebagai wajar dengan pertimbangan akal semata-mata. Ini adalah seperti yang diperjuangkan oleh gerakan liberal dalam mempromosikan idea kebebasan individu dan hak asasi manusia.

Contohnya item B20 yang menunjukkan bahawa terdapat kekeliruan mahasiswa dalam mempertimbangkan keutamaan antara keperluan dunia dengan peraturan Allah SWT. Hanya segelintir pelajar tidak bersetuju dengan pernyataan ini (5.7 peratus) sedangkan ia melibatkan persoalan akidah yang paling asas. Tidak ada perkara yang boleh mengatasi

perintah Allah SWT malah perbuatan mendahulukan dunia berbanding akhirat termasuk dalam ciri-ciri orang munafik. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 16:

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالَةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Maksudnya:

Mereka itulah orang-orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah.

Ringkasnya, kajian ini menunjukkan bahawa mahasiswa masih mempunyai masalah dari sudut kefahaman asas akidah Islam. Ini adalah perkara yang perlu diambil perhatian kerana pada zaman ini serangan pemikiran datang daripada segenap segi. Kefahaman akidah mempunyai hubungan dengan bahan bacaan mahasiswa. Kesilapan dalam memilih bahan bacaan akan mengundang kepada salah faham dan seterusnya melahirkan tindakan yang bercanggah dengan akidah Islam pada asasnya. Maka, keupayaan mereka untuk mendapatkan maklumat luar kelas secara sendiri ini perlu dibantu agar ia membentuk peribadi yang lebih baik agamanya. Di sini terletaknya peranan universiti dalam memperkasa pengetahuan akidah para mahasiswa melalui penggarapan pendidikan Islam secara komprehensif. Ini kerana kesan daripada kepincangan akidah mengundang bahawa yang tidak hanya terhad kepada individu tetapi juga kepada masyarakat secara amnya. Justeru, dalam konteks negara Malaysia pemerkasaan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah begitu diperlukan untuk memelihara mahasiswa daripada penyelewengan akidah berpunca daripada kalangan umat Islam sendiri dan pihak musuh Islam (Mardzelah et al., 2016).

4.3 Personaliti Religiositi

Hasil analisis, kajian menunjukkan tahap personaliti religiositi pelajar IPTI adalah tinggi dengan nilai min 4.78. Jadual 6 menunjukkan perincian dapatan berkaitan personaliti religiositi mahasiswa.

Jadual 6. Dapatan berkaitan personaliti religiositi

Bil	Item							Min
		Tidak pernah	Jarang-jarang	Kadang-kadang	Pernah	Selalu	Sangat selalu	
C1r	Saya menggalakkan ahli sekeluarga saya mengamalkan sunnah Rasulullah SAW.	2 (0.5)	21 (5.6)	61 (16.2)	136 (36.2)	100 (26.6)	56 (14.9)	4.27
C2r	Saya berusaha memahami maksud suci ayat al-Quran	0	9 (2.4)	40 (10.6)	132 (35.1)	143 (38.0)	51 (13.6)	4.50
C3r	Saya berusaha agar diri saya sentiasa berada dalam keadaan berwuduk.	4 (1.1)	36 (9.6)	90 (23.9)	110 (29.3)	92 (24.5)	44 (11.7)	4.02
C4r	Saya berusaha menambahkan kekerapan	2 (0.5)	31 (8.2)	84 (22.3)	136 (36.2)	100 (26.6)	23 (6.1)	3.98

	dalam melakukan solat-solat sunat.							
C5r	Saya berusaha mendalami hukum-hakam Islam.	0	13	26	96	160	79	4.71
			(3.5)	(6.9)	(25.5)	(42.6)	(21.0)	
C6r	Saya suka mencari peluang untuk mendalami Islam bersama keluarga.	3	21	49	116	111	75	4.43
		(0.8)	(5.6)	(13.0)	(30.9)	(29.5)	(19.9)	
C7r	Saya mengajak orang lain menunaikan solat.	4	10	36	115	136	73	4.57
		(1.1)	(2.7)	(9.6)	(30.6)	(36.2)	(19.4)	
C8r	Saya selalu membincangkan isu-isu agama bersama teman-teman	1	24	63	130	115	39	4.21
		(0.3)	(6.4)	(16.8)	(34.6)	(30.6)	(10.4)	
C9r	Saya memperuntukkan masa untuk membaca ayat suci al-Quran walaupun sibuk	2	23	52	102	121	76	4.45
		(0.5)	(6.1)	(13.8)	(27.1)	(32.2)	(20.2)	
C10r	Saya berusaha untuk mengamalkan etika akhlak Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian	0	19	33	134	129	60	4.47
			(5.1)	(8.8)	(35.6)	(34.3)	(16.0)	
C11r	Saya bersedih apabila Ramadan berakhir	2	6	43	115	121	89	4.63
		(0.5)	(1.6)	(11.4)	(30.6)	(32.2)	(23.7)	
C12r	Saya akan bersedkah sejumlah wang setiap bulan	5	34	73	102	81	78	4.22
		(1.3)	(9.0)	(19.4)	(27.1)	(21.5)	(20.7)	
C13r	Saya rasa tenang apabila mendengar bacaan ayat suci al-Quran	0	0	5	21	105	244	5.57
				(1.3)	(5.6)	(27.9)	(64.9)	
C1m	Saya tidak akan masuk ke rumah seseorang selagi tidak dijemput	19	8	28	34	119	167	5.07
		(5.1)	(2.1)	(7.4)	(9.0)	(31.6)	(44.4)	
C2m	Saya menghormati setiap pendapat orang lain	0	2	22	62	178	112	5.00
			(0.5)	(5.9)	(16.5)	(47.3)	(29.8)	
C3m	Saya merasa gelisah apabila menyakiti ibu bapa saya	1	4	6	26	77	261	5.55
		(0.3)	(1.1)	(1.6)	(6.9)	(20.5)	(69.4)	
C4m	Saya menyembunyikan keaiban orang lain	2	2	17	80	177	97	4.92
		(0.5)	(0.5)	(4.5)	(21.3)	(47.1)	(25.8)	
C5m	Saya tidak menjatuhkan maruah kawan-kawan saya	4	8	18	67	173	106	4.90
		(1.1)	(2.1)	(4.8)	(17.8)	(46.0)	(28.2)	
C6m	Saya berusaha mewujudkan suasana yang terbaik untuk tetamu saya	2	0	7	58	155	153	5.20
		(0.5)		(1.9)	(15.4)	(41.2)	(40.7)	
C7m	Saya berusaha menyembunyikan amalan kebaikan yang saya lakukan daripada pengetahuan orang lain	1	4	13	76	170	111	4.98
		(0.3)	(1.1)	(3.5)	(20.2)	(45.2)	(29.5)	
C8m	Saya menggunakan kemudahan awam dengan baik	0	3	8	66	165	134	5.11
			(0.8)	(2.1)	(17.6)	(43.9)	(35.6)	
C9m	Saya gembira apabila orang memuji rakan saya	1	2	26	81	159	107	4.90
		(0.3)	(0.5)	(6.9)	(21.5)	(42.3)	(28.5)	
C10m	Saya akan menyembunyikan identiti seseorang apabila membicarakan tentang dirinya	1	5	36	96	149	89	4.74
		(0.3)	(1.3)	(9.6)	(25.5)	(39.6)	(23.7)	
C11m	Saya lebih suka bekerja daripada meminta wang orang lain	8	10	16	56	134	152	5.01
		(2.1)	(2.7)	(4.3)	(14.9)	(35.6)	(40.4)	
C12m	Saya akan merujuk kepada yang mengetahui apabila ragu-ragu terhadap hukum	0	0	1	37	131	206	5.45
				(0.3)	(9.8)	(34.8)	(54.8)	

	agama							
C13m	Saya lebih suka membantu orang miskin tanpa diketahui orang lain	1 (0.3)	2 (0.5)	18 (4.8)	80 (21.3)	146 (38.8)	127 (33.8)	5.00
C14m	Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat dalam waktu yang ditetapkan	0	0	15 (4.0)	54 (14.4)	151 (40.2)	156 (41.5)	5.19

Berdasarkan dapatan ini, kesemua mahasiswa didapati berusaha memahami ayat-ayat al-Quran (item C2r), mendalami hukum hakam Islam (item C5r), mengamalkan akhlak Rasulullah SAW (item C10r), merasa tenang mendengar bacaan al-Quran (item C13r), menghormati orang lain (item C2m), menjaga kemudahan awam (item C8m), merujuk kepada pakar dalam agama (item C12m) dan berusaha bersungguh-sungguh mencapai matlamat (item C14m). Justeru, mereka mempunyai semangat dan inisiatif untuk mempertingkatkan ilmu dalam agama dan mempunyai peribadi yang mendekati diri dengan Islam. Di samping itu, mereka juga mempunyai rasa tanggungjawab kepada persekitaran dengan tidak melakukan vandalisme dan juga mempunyai semangat persaudaraan sesama insan dengan mengekalkan rasa hormat dalam diri. Mahasiswa juga menyedari kepentingan untuk serius dalam mencapai satu-satu matlamat yang ditetapkan.

Umumnya, pengamalan akhlak dalam kalangan majoriti mahasiswa berada pada tahap yang baik hanya berbeza dari segi kekerapan mereka melakukannya. Tidak mudah untuk istiqamah dalam berakhlak mulia sama ada secara bersendirian mahupun di tengah ramai. Ia perlu kepada mujahadah dan *tazkiyat al-nafs* (penyucian diri) kerana berkait dengan *takhalli* (menyucikan diri daripada sifat mazmumah) dan *tahalli* (mengisi diri dengan sifat mahmudah) sebelum mencapai darjat terakhir iaitu *tajalli* (menzahirkan sifat mulia secara berterusan). Ini dilihat mempunyai kaitan dengan pembudayaan nilai-nilai murni dan Islami dalam masyarakat secara umumnya. Norma-norma masyarakat Melayu masih mendominasi cara hidup mahasiswa untuk mengamalkan adab sopan dan bertoleransi sesama mereka. Jati diri sebegini perlu diperkasakan lagi supaya ia tidak hanya dipandang sebagai budaya Melayu, tetapi lebih lagi ia merupakan terjemahan kepada ajaran Islam itu sendiri. Di samping itu, mahasiswa juga perlu memaknai akhlak mulia yang diamalkan supaya ia dihayati secara kekal. Antara pendekatan yang boleh diaplikasikan oleh universiti ialah melalui pewujudan suri teladan, penceritaan kisah-kisah generasi terdahulu, perumpamaan dan ancaman serta dorongan (Laki, Hamzah, & Wan Jusoh 2015).

5. Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dapatan kajian, boleh disimpulkan bahawa meskipun tahap pengetahuan sarwajagat Islam mahasiswa IPTI tinggi, tetapi apabila diperhalusi didapati mereka masih keliru tentang perkara-perkara yang asas dalam akidah khususnya. Akidah yang tidak jelas boleh memberi kesan kepada pengamalan ibadah dan pemikiran mereka. Di samping itu, personaliti religiositi yang baik dalam kalangan mahasiswa menjadi indikator bahawa mereka adalah golongan yang boleh dibentuk ke arah lebih baik oleh pihak universiti. Sehubungan itu, kajian ini melibatkan empat buah IPTI di Malaysia. Justeru, kajian akan datang boleh mengkaji dari aspek faktor yang mendorong mahasiswa mengamalkan hidup beragama. Sehubungan itu juga, satu model khusus berhubung pembangunan hidup beragama adalah diperlukan sebagai garis panduan asas kepada IPT dalam memastikan kualiti Islam, Iman dan Ihsan mahasiswa terpelihara dalam mendepani serangan pemikiran hari ini.

Penghargaan

Penulisan ini merupakan sebahagian dapatan kajian yang mendapat suntikan dana dari Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (KUIS/PB/2016/GPIK2/GPM/UO2).

Rujukan

- Abd Rahman, K. A., Mohd Salleh, N., & Ismail, N. (2018). Kefahaman mahasiswa Muslim Lembah Klang tentang konsep hak kebebasan beragama di Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(1), 1-23.
- Abdullah Darraz, M. (t.th.). *Al-Din*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Abu Mansor, N. S. & Ismail, Z. (2006). Konsep religiositi menurut tokoh-tokoh Islam Malaysia dan Mesir daripada perspektif dakwah. Dlm Ahmad Sunawari Long & Zul Azmi Yaakob (Pnyt). *Budaya dan pemikiran Islam Mesir-Malaysia*. Bangi: Jabatan Usuludin dan Falsafah, FPI UKM.
- Al-Ba 'albaki, M. (1982). *al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Al-Bugha, M. D. (1998). *Nizam al-Islam fi al-aqidah wa al-akhlaq wa al-tasri'*. Damsyik: Dar al-Fikr
- Al-Jundi, A. (2003.) *Memahami konsep Islam yang betul*. Terj. Zainudin Hashim. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd.
- Al-Nahlawi, A. R. (1995). *Pendidikan Islam: Di rumah, sekolah dan masyarakat*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Al-Najjar, A. M. (1989). *Fi fFiqh al-tadayyun: Fahman wan tanzilan*. Qatar: Kitab al-Ummah.
- Al-Qaradawi, Y. (1984). *Iman dalam kehidupan*. Terj. Fachruddin HS. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Qurtubi, M. A. (t.th.). *al-Jami' li al-ahkam al-Quran*. Kaherah. Dar al-Kitab al-Arabi.
- Anon. (2017a.). *Direktori Universiti Awam*. jpt.mohe.gov.my.
- Anon. (2017b.). *Institusi Pendidikan Tinggi Swasta*. Laporan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- Anwar, K. & Kasan, H. (2008). Penghayatan agama dan kepimpinan pelajar. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan*. UTM Skudai. 22-23 Oktober 2008.
- Bidin, H. (2016). *Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar muslim di Kolej Komuniti negeri Johor*. (Tesis Sarjana), Fakulti Peradaban Islam. Universiti Teknologi Malaysia.
- Cornwall, M., Albrecht, S. L., Cunningham, P. H., & Pitcher, B. L. (1986). The dimensions of religiosity: A conceptual model with an empirical test. *Review of Religious Research*, 226-244.
- Daud, Z., Mohd. Salleh, N., Mohd. Haridi, N. & Ismail, A. M. (2016). Sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues* 1(1), 1-12.
- Din, H. 1985. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Hizbi Sdn. Bhd
- Engku Zarihan, E. A., Mohd Aderi, C. N., Tamuri, A. H. & Abdul Aziz, M. A. (2015). Konsep *At-Tadayyun* dan tuntutanannya dalam kehidupan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 7(1), 1-9.
- Fatmi Talib, N. H., Abd Halim, A. H., & Mohd Shafie, B. H. (2018). Tahap pengetahuan Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar semester 1, Politeknik Banting, Selangor. *Journal Quran Sunnah Education and Special Needs*, 2(2), 1-13.

- Hamzah, A., Mohd Noah, S., Kasan, H., Abdullah, A. L., Juhari, R., Mastor, K. A., ... Manap, J. (2006). *Muslim religiosity and personality indexing: Implications for nation building*. Serdang: Institut Pengajian Komuniti dan Keamanan (PEKKA).
- Handoyo, R. T. & Rusli, E. (2008). Hubungan komitmen beragama dengan intensi berhenti menyalahgunakan narkoba pasca program rehabilitasi. *Jurnal Psikologi Sosial*, 14(3), 17-26.
- Hasanah, F. R. (2016). hubungan antara komitmen beragama Islam dengan motivasi kerja pada pegawai administrasi baru di Universitas Islam Bandung. Tesis Sarjana, Fakultas Psikologi, Universitas Islam Bandung (UNISBA).
- Hayaati, S. (2017). Mengurus antara keluarga dan kerjaya organisasi: Analisis melalui pendekatan al-tadayun, al-maqasid dan al-wasatiyyah. *Akademika*, 87(3), 195-206.
- Indirawati, E. (2006). Hubungan antara kematangan beragama dengan kecenderungan strategi coping. *Jurnal Psikologi Undip*, 3(2), 69-92.
- Jurami, S. K. & Md Sham, F. (2013). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyyat*, 35(1), 29-38.
- Krauss, S. E. & Hamzah, A. (2011). *The Muslim religiosity-personality inventory (MRPI) Scoring Manual*. Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia.
- Laki, A. F., Hamzah, M. S., & Wan Jusoh, W. H. (2015.) Pembentukan akhlak mahmudah sebagai mekanisme pembangunan insan: Analisis terhadap tafsir *Fi Zilal Al-Quran*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 36-48.
- Mahmood, A. (2005). Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. (Tesis Ph.D.), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maududi, A. (1985). *Asas-asas Islam*. Terj. H.O.K. Rahmat. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Mohamed, A., Seman, M. Z. O., & Abdul Wahab, M. H. (2010). Kefahaman dan amalan dalam beragama: Kajian terhadap pelajar baru UiTM Pahang dan pelajar baru Universiti Malaysia Pahang. *Laporan Penyelidikan*. (Tidak diterbitkan). Universiti Teknologi MARA Pahang, Jengka, Pahang.
- Mustapha, R. (2017). *Reka bentuk model integriti akademik berasaskan penghayatan rohani*. (Tesis PhD.). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Qutb, S. (1983). *Al-Mustaqbal li hadha al-din*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Saper, M. N. (2012). Pembinaan modul bimbingan tazkiyah an-nafs dan kesannya ke atas religisiti dan resiliensi remaja. (Tesis Dr Fal.) Universiti Utara Malaysia.
- Sihes, A. J. Hamdan, A. R., Ramli, J., & Samingan, N. S. (2006). Pengaruh pengetahuan agama ke atas amalan agama dan gaya hidup mahasiswa Islam Universiti Teknologi Malaysia. *National Student Development Conference (NASDEC) 2006*. 8-9 August 2006, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Stapa, Z. (2002). *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Thoules, R. H. (2000). *Pengantar psikologi agama*. Terj. Machnun Husein. Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada.

Author's Biography

Nazneen binti Ismail, has her B.A in Islamic Studies from Al-Azhar University, and her M.A in Islamic Studies and PhD in Islamic Civilization from National University Of Malaysia. She is currently a lecturer and has been on the Faculty of Islamic Civilization Studies at Selangor International Islamic University College (SIIUC) since 2008. Presently, she holds position as Head of PhD in Islamiyyat Programme. She teaches in Department of Da'wah and Usuluddin primarily in the areas of theology, islamic thought and islamic psychology. Her research interests include Quranic exegesis, Islamic mysticism, Islamic psychology and social studies. She has published numerous articles in refereed journals and conference proceedings, includes *Islamiyyat*, *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* and *E-Jurnal Penyelidikan & Inovasi Kuis*. She also has been research member for several field of research include youth's development, apostasy, freedom of religion and comparative religion. She can be contacted at nazneen@kuis.edu.my.